



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**

**CAWANGAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN TIGA  
TAHUN 2012**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

Satu jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak**

## Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Sebagai \_\_\_\_\_ yang berpengalaman, Sara akan memastikan majlis yang dikendalikannya berjalan dengan lancar.
  - A juruacara
  - B juruulas
  - C juruhebah
  - D jurubahasa
2. Adibah Noor bukan sahaja aktif dalam bidang nyanyian \_\_\_\_\_ turut aktif dalam bidang lakonan.
  - A sementara
  - B bahkan
  - C serta
  - D sedangkan
3. Pak Ali telah \_\_\_\_\_ anak lelakinya dengan seorang gadis yang jelita.
  - A mempersuamikan
  - B mempersuami
  - C memperisterikan
  - D memperisteri
4. Kakak sedang menjahit sarung bantal yang \_\_\_\_\_ benang emas.
  - A bersulamkan
  - B berjahitkan
  - C berendakan
  - D berbenangkan
5. Abang saya \_\_\_\_\_ ke tempat kerja dengan motosikal.
  - A berulang-alik
  - B bertungkus-lumus
  - C mundur-mandir
  - D berdolak-dalik

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Lelaki itu keluar dari dapur sambil \_\_\_\_\_ sedulang makanan untuk para tetamu.
  - A mengandar
  - B menatang
  - C menjinjing
  - D mengelek

7. Jenazah Sultan Muzaffar Syah telah \_\_\_\_\_ dengan penuh kebesaran mengikut adat istiadat diraja negeri berkenaan.
- A ditanamkan  
B dikebumikan  
C dimakamkan  
D disemadikan

### Soalan 8 - 14

*Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.*

*Pilih jawapan yang paling sesuai.*

8. Kanak-kanak di sekolah itu saling hormat-menghormati kerana mereka sering bersama-sama pada waktu rehat. Tiada kesalahan
- A B  
C D

9. Sayur-sayuran yang dibawa untuk dijual di pasar itu masih segar-segar lagi walaupun sudah beberapa hari dipetik. Tiada kesalahan
- A B  
C D

10. Penglibatan murid dalam aktiviti unit beruniform dapat meningkatkan keyakinan diri dan meningkatkan rasa tanggung jawab terhadap orang lain. Tiada kesalahan
- A B C  
D

11. Peristiwa semasa berkhemah di Taman Negara meninggalkan kenangan manis yang sukar dilupakan olehku. Tiada kesalahan
- A B  
C D

12. Salmiah berusaha dengan bersungguh-sungguh di atas alasan ingin mencapai kejayaan dalam kehidupan. Tiada kesalahan
- A B  
C D

13. Puan Siti memberitahu anak bujangnya supaya tidak makan kuning telur itu kerana mengandungi kolestrol yang tinggi. Tiada kesalahan
- A B  
C D

14. Di kalangan peserta yang mengambil bahagian, terdapat seorang anak  
 wakil rakyat. Tiada kesalahan
- A B  
 C D

#### Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

15. I Semua wang simpanannya *lebur* dalam pelaburan yang tidak menjadi itu.  
 II Hatinya mula *lebur* apabila melihat kekasihnya berjalan dengan orang lain.  
 III Besi *lebur* mengambil masa beberapa jam untuk menyejuk.  
 IV Semua hasratnya *lebur* apabila anaknya menolak peminangan itu.
- A I, II dan III sahaja  
 B II, III dan IV sahaja  
 C I, III dan IV sahaja  
 D I, II, III dan IV
16. I Makanan ini tidak *berpantang* kepada semua orang.  
 II Buat masa ini Saiful terpaksa *berpantang* makanan laut.  
 III Dengan tidak *berpantang*, Hang Jebat terus masuk ke dalam istana sultan.  
 IV Aliya sengaja *berpantang* untuk menjaga kecantikannya.
- A I dan IV sahaja  
 B II dan III sahaja  
 C I, II dan III sahaja  
 D II, III dan IV sahaja
17. I *Bisa* paku berkarat harus dirawat dengan segera.  
 II *Bisa* ular itu telah menjalar ke seluruh tubuhnya.  
 III Kata-katanya yang *bisa* itu menyakitkan hatiku.  
 IV Kehandalan pasukan itu amat *bisa*.
- A I dan IV sahaja.  
 B II dan III sahaja.  
 C I, II dan III sahaja.  
 D II, III dan IV sahaja.

#### Soalan 18 - 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

18. "Inilah kali pertama saya makan goreng kentang bersos cili," kata Ahmad.
- A kentang goreng bercili sos  
 B goreng kentang bercili sos  
 C kentang goreng bersos cili  
 D goreng kentang bersos cili

19. Amir telah menunggu peluang untuk menjawat jawatan itu dari tahun ke setahun tetapi masih belum berpeluang.
- A daripada setahun ke setahun
  - B dari tahun ke tahun
  - C daripada tahun ke tahun
  - D dari tahun ke setahun
20. Pelbagai masalah terpaksa dia hadapi ketika menuntut di luar negara demi mengejar cita-citanya menjadi seorang doktor.
- A Pelbagai masalah dia terpaksa hadapi
  - B Pelbagai masalah terpaksa dihadapinya
  - C Pelbagai masalah terpaksa dia menghadapi
  - D Pelbagai masalah terpaksa dia hadapi
21. Kumpulan meninjau dihantar demi menyasat kekuatan musuh serta senjata yang digunakan.
- A peninjau dihantar untuk menyasat
  - B peninjau dihantar demi untuk menyasat
  - C peninjau dihantar kerana menyasat
  - D meninjau dihantar demi menyasat

**Soalan 22 – 24**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.*

22. **Ibu bapa digalakkan mewujudkan perpustakaan mini di rumah untuk menyemai sikap suka membaca dalam kalangan ahli keluarga terutama anak-anak.**
- A Ibu bapa diwajibkan mewujudkan perpustakaan mini di rumah untuk menyemai sikap suka membaca dalam kalangan ahli keluarga.
  - B Mewujudkan perpustakaan mini di rumah membolehkan sikap suka membaca dalam kalangan ahli keluarga terutama anak-anak digalakkan.
  - C Ahli keluarga dan anak-anak akan suka membaca sekiranya ibu bapa mewujudkan perpustakaan mini di rumah.
  - D Sikap suka membaca dalam kalangan ahli keluarga terutama anak-anak akan dapat disemai sekiranya ibu bapa mewujudkan perpustakaan mini di rumah.
23. **“Sekiranya kamu mempunyai masa lapang pada masa cuti sekolah nanti, datanglah ke rumah saya di Negeri Sembilan,” kata Razali kepada Ahmad.**
- A Razali mengajak Ahmad datang ke rumahnya di Negeri Sembilan jika dia kelapangan.
  - B Ahmad dipelawa oleh Razali supaya datang ke rumahnya di Negeri Sembilan pada cuti akan datang jika dia kelapangan.
  - C Ahmad akan datang ke rumah Razali di Negeri Sembilan pada cuti nanti jika dia ada masa lapang.
  - D Razali berkata kepada Ahmad bahawa sekiranya kamu ada masa lapang, datanglah ke rumahnya di Negeri Sembilan pada cuti akan datang.

24. Semua orang bergembira pada malam itu tetapi dia berduka cita kerana terkenang akan ibunya.
- A Setiap kali terkenang akan ibunya dia akan berduka cita walaupun orang lain bergembira.
  - B Semasa orang lain sedang bergembira pada setiap malam, dia teringat akan ibunya.
  - C Pada malam itu, semua orang bersuka ria sedangkan dia bersedih oleh sebab teringat akan ibunya.
  - D Dia tidak dapat berkongsi gembira dengan orang ramai pada malam itu kerana ingatan terhadap ibunya.

**Soalan 25 - 27**

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

25. I Mereka minum kopi sambil bersembang di Manja Kafe.  
 II Tiap hari dia membantu ibunya di pasar menjual ikan.  
 III Berpuluh hari dia memerah otak menyiapkan karyanya.  
 IV Indah nian pemandangan di atas Bukit Gasing itu.
- A IV sahaja
  - B I dan II sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
26. I Untuk mencegah kegiatan penyeludupan, kerajaan harus memperketat kawalan di perairan negara kita.  
 II "Kalian hendak ke mana?" tanya Samad kepada rakan-rakannya.  
 III Rumah-rumah yang terdapat di kawasan itu besar-besar belaka.  
 IV Jamil bukan sahaja bijak dalam pelajaran, tambahan pula aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
27. I Sebagai rakyat, kita memikul tanggungjawab yang berat terhadap kesejahteraan negara.  
 II Encik Rosli mencarikan anaknya buku-buku rujukan di kedai itu.  
 III "Usahlah kau percaya akan kata-kata orang yang tidak engkau kenali," pesan Mariam kepada adiknya.  
 IV Pengurus syarikat itu sedang menghalusi laporan yang disediakan oleh setiausahanya.
- A I dan III sahaja
  - B II dan IV sahaja
  - C III dan IV sahaja
  - D I, II dan IV sahaja

**Soalan 28 - 30**

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

28. Malaysia merupakan sebuah negara yang makmur. Hal ini menyebabkan banyak pendatang asing dari Indonesia, Filipina dan Bangladesh datang ke negara ini untuk mencari rezeki. Keadaan ini sama seperti peribahasa  
 A setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau  
 B ikan pulang ke lubuk  
 C ada gula ada semut  
 D ulat di dalam batu pun hidup juga
29. Peribahasa di bawah mengingatkan kita agar bersabar dan berusaha bersungguh-sungguh dalam mengejar kejayaan kecuali  
 A kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya  
 B genggam bara api biar sampai jadi arang  
 C alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan  
 D seperti aur ditarik songsang

30. **Orang besar dan mulia, tidak hilang martabatnya jika dia merendahkan diri.**

Situasi di atas menggambarkan peribahasa

- A bagai anjing menyalak bukit  
 B biar jatuh terletak, jangan jatuh terhempas  
 C gajah mati kerana gadingnya  
 D ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya

**Soalan 31 – 35**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- JAIS : (*Ucap selamat dengan lembut*) Selamat sejahtera rakan-rakan semua.  
 MURID-MURID : Selamat sejahtera.  
*Jais dan rakan-rakannya duduk. Mereka seperti tertinjau-tinjau ke arah meja Zalina.*
- BADAR : Zali, dah ambillah. Tak nampak pun.  
 ZALI : Kita lihat reaksinya.  
 JAIS : Ada harapanlah. Dia diam aje.  
 BADAR : (*Mengusik*) Bertuahnya badan. Dapat gadis yang cantik macam bidadari. Mereka ketawa kuat. Semua menoleh ke arah mereka.
- FATIMAH : (*Meninggi suara*) Heh, kenapa bising ni ? Orang lain hendak mengulang kaji pelajaran pun tidak boleh. Saya lapor kepada cikgu nanti...
- JAIS : Yalah. Anak murid kesayangan. Bolehlah...  
 FATIMAH : (*Geram*) Jais, awak jangan menyindir saya !  
 BADAR : Siapa yang makan lada...  
 JAIS : (*Berlagu*) Dia yang terasa pedas.  
*Fatimah berdiri dan merenung Jais dan Badar. Zali pura-pura membaca. Tiba-tiba Zalina berdiri dan kemudian keluar dari kelas.*

- FATIMAH : Eh, Ina ! Awak hendak ke mana ?  
 ZALINA : (*Pantas*) Jumpa cikgu !  
 FATIMAH : (*Terkejut*) Kenapa ?  
 ZALINA : (*Menunjukkan surat*) Ni !  
*Zalina terus berlalu. Fatimah mengekori dari belakang.*  
 JAIS : (*Mendekati Zali*) Habislah kau, Zali.  
 ZALI : (*Menepuk bahu Jais*) Jangan bimbang. Bukan dia tahu.

(Dipetik daripada drama *Surat Untuk Ina*,  
 antologi Kasut Kelopak Jantung, Tingkatan 1,  
 Dewan Bahasa dan Pustaka)

31. Jais dan rakan-rakannya meninjau-ninjau ke arah meja Zalina untuk  
 A memastikan Zalina menjumpai surat yang diletakkan di dalam mejanya  
 B memastikan Zalina mengulang kaji pelajarannya  
 C memastikan Zalina telah datang  
 D memastikan Zalina akan marah
32. Jais mengatakan bahawa Fatimah merupakan anak murid kesayangan guru kerana  
 A Jais ingin mengusik Fatimah  
 B Jais tidak menyukai Fatimah  
 C Jais ingin Fatimah marah kepadanya  
 D Jais ingin menyindir Fatimah
33. Di manakah peristiwa dalam petikan drama di atas berlaku ?  
 A di kantin  
 B di dalam kelas  
 C di bilik guru  
 D di perpustakaan
34. 

Siapa yang makan lada dia yang terasa
---------------------------------------
- Unsur gaya bahasa yang terdapat dalam frasa di atas ialah  
 A inversi  
 B peribahasa  
 C personifikasi  
 D hiperbola
35. Antara yang berikut, manakah bukan perwatakan Zalina ?  
 A bijak  
 B rajin  
 C penyayang  
 D pemaaf



## Soalan 36 - 40

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**SYAIR PANDUAN UNTUK PARA REMAJA**

Ingat pesanku wahai belia,  
Jangan berdusta jangan perdaya,  
Jangan fikir kasihkan kaya,  
Jangan boros yang sia-sia.

Jangan mengata jangan mengeji,  
Jangan aniaya bengis dan benci,  
Jangan takbur diri dipuji,  
Jangan sekali mungkir janji,

Judi dan arak jangan biasa,  
Lucah dan cabul jangan selesa,  
Usah bertemu ular yang bisa,  
Lambat bangatnya dapat binasa.

Jangan meminjam jangan berhutang,  
Jangan meminta bantu sementara,  
Bergantung pada orang hendaklah berpantang,  
Bebas kehidupan sentiasa matang.

Meminta jangan meminjam pun jangan,  
Barang dipinjam kerap kehilangan,  
Sahabat meminjam renggang di tangan,  
Hutang merosakkan mut'ah pandangan.

Jangan biasakan meminta tolong,  
Ke sini tersembah, ke sana terlolong,  
Ikhtiar sendiri bantut bergulung,  
Akhirnya kebolehan lenyap terlelong.

Latihlah diri sifat merdeka,  
Daya sendiri segenap seketika,  
Jangan sombongkan asal dan baka,  
Atau kelebihan adik dan kakak.

Padalah itu aku khabari,  
Ingatlah semua, muda *jauhari*,  
Kiranya kabul Allah memberi,  
Dirimu jadi pemulih negeri.

(Dipetik daripada Syair Panduan Untuk Para Remaja,  
antologi *Harga Sebuah Lukisan*, Tingkatan 3,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

36. Berdasarkan rangkap keempat, penyair mahu kita mengelakkan diri daripada
- A berhutang
  - B mungkir janji
  - C minum arak
  - D bersikap takbur
37. Perkataan *jauhari* dalam rangkap kelapan membawa maksud
- A harapan
  - B belia
  - C cerdik pandai
  - D berkebolehan

38.

**Jangan meminjam jangan berhutang**

Pengulangan perkataan “jangan” dalam baris di atas ialah unsur bahasa

- A epifora
- B anafora
- C repetisi
- D responsi

39.

**Jangan biasakan meminta tolong,  
Ke sini tersembah, ke sana terlolong,  
Ikhtiar sendiri bantut bergulung,  
Akhirnya kebolehan lenyap terlelong.**

Pernyataan yang berikut merupakan pengajaran daripada rangkap di atas, **kecuali**

- A Kita haruslah berusaha sendiri jika ingin berjaya.
- B Kita perlulah mengakui kebolehan diri.
- C Kita hendaklah mengurangkan sikap suka meminta pertolongan.
- D Kita haruslah menggunakan kebolehan orang lain untuk kesenangan diri sendiri.

40. Berikut merupakan nilai yang **tidak** terdapat dalam syair *Panduan Untuk Para*

- Remaja*
- A baik hati
- B berdikari
- C hemah tinggi
- D kesederhanaan

**KERTAS SOALAN TAMAT**

38.

**Jangan meminjam jangan berhutang**

Pengulangan perkataan “jangan” dalam baris di atas ialah unsur bahasa

- A epifora
- B anafora
- C repetisi
- D responsi

39.

**Jangan biasakan meminta tolong,  
Ke sini tersembah, ke sana terlolong,  
Ikhtiar sendiri bantut bergulung,  
Akhirnya kebolehan lenyap terlelong.**

Pernyataan yang berikut merupakan pengajaran daripada rangkap di atas, **kecuali**

- A Kita haruslah berusaha sendiri jika ingin berjaya.
- B Kita perlulah mengakui kebolehan diri.
- C Kita hendaklah mengurangkan sikap suka meminta pertolongan.
- D Kita haruslah menggunakan kebolehan orang lain untuk kesenangan diri sendiri.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DITUNTUT

40. Berikut merupakan nilai yang **tidak** terdapat dalam syair *Panduan Untuk Para*

*Remaja*

- A baik hati
- B berdikari
- C hemah tinggi
- D kesederhanaan

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SKEMA JAWAPAN KERTAS 1 (BM)

- |       |       |
|-------|-------|
| 1. A  | 21. A |
| 2. B  | 22. D |
| 3. D  | 23. B |
| 4. A  | 24. C |
| 5. A  | 25. A |
| 6. B  | 26. A |
| 7. C  | 27. D |
| 8. B  | 28. C |
| 9. B  | 29. D |
| 10. C | 30. D |
| 11. C | 31. A |
| 12. B | 32. D |
| 13. D | 33. B |
| 14. A | 34. B |
| 15. D | 35. C |
| 16. D | 36. A |
| 17. C | 37. C |
| 18. C | 38. C |
| 19. B | 39. D |
| 20. B | 40. A |